**Southeast Asian Ministers of Education Organization**
Regional Centre for Education in Science and Mathematics

Ruj. Kami : RCP/GEN/307(480)
Tarikh : 12 Februari 2025

Profesor Madya Dr. Nurzali bin Ismail
Ketua Komunikasi Korporat
Aras 9 , Blok E12
Kompleks E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Wilayah Persekutuan
Putrajaya.

Tuan,

**MEMOHON HEBAHAN JAWATAN PAKAR LATIHAN DAN PENYELIDIKAN DI SESAWANG KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak SEAMEO RECSAM memohon jasa baik pihak tuan untuk membuat hebahan jawatan kosong **Pakar Latihan dan Penyelidikan** di laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak kami mengalu-alukan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai **Pakar Latihan dan Penyelidikan** secara peminjaman selama dua (2) tahun di SEAMEO RECSAM.

3. Dilampirkan iklan kekosongan jawatan berserta syarat-syarat kelayakan adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A dan B** serta borang permohonan seperti di **Lampiran C.**

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi Pengurus Sumber Manusia dan Operasi, **Encik Mohamad Hilal bin Zulkifli** di talian **04-652 2703** atau melalui e-mel di alamat **hilal@recsam.edu.my.**

5. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. AZMAN BIN JUSOH)**
Pengarah

SEAMEO RECSAM, Jalan Sultan Azlan Shah, 11700 Gelugor, Penang, MALAYSIA
Tel: 60 4-6522700 Fax: 60 4-6522737 Email: director@recsam.edu.my